

GOTONG ROYONG PERDANA DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3125-gotong-royong-perdana-di-pangkalan-udara-gong-kedak

GONG KEDAK, 2 Mac 18 – Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan satu Program Gotong Royong Perdana yang melibatkan dua kawasan iaitu kawasan sekitar laluan jalan raya utama menghala ke Wisma Perwira dan kawasan laluan jalan raya utama menghala ke MGR kuarteres Pangkalan.

Turut hadir bersama Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan Anggota LLP Pangkalan Udara Gong Kedak. Objektif utama adalah bagi menyediakan platform integrasi warga Pangkalan Udara Gong Kedak bagi memastikan pangkalan kekal bersih dan ceria. Selain itu juga bagi menzahirkan komitmen dan tanggungjawab komuniti serta rasa berterima kasih kepada perkhidmatan dalam menyediakan fasilitas yang diberikan.



